Bil 04/2011
Jumaat
20 Mei 2011
16 Jamadil Akhir 1432 H

http://biroagamakelabep.blogspot.com

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

KELEBIHAN SEORANG IBU, MUSTAJAB DOA UNTUK ANAKNYA

Rasulullah sollallahu `alaihi wasallam telah berpesan kepada kita betapa mustajab doa seorang ibu untuk anaknya. Dalam Sahih Muslim, baginga **kisah seorang lelaki, Juraij,** yang begitu kuat beribadah kepada Allah. Hari-harinya diisi dengan solat sunat. Beliau mempunyai tempat khas untuk solat - pondok kecil yang agak tinggi tempatnya.

Pada suatu hari, **ibunya datang menziarahinya**. Sambil mendongakkan kepalanya, si ibu memanggil anaknya: "Juraij, saya ibumu, cakaplah denganku!"

Juraij khusyuk beribadah dan berkata dalam hatinya: "**Ya Allah, saya utamakan solatku atau ibuku?"**

Juraij memilih meneruskan ibadahnya. Ibunya letih berteriak dan akhirnya meninggalkan tempat Juraij.

Esoknya ibunya datang dan memanggilnya lagi tetapi Juraij tidak mengendahkan dan terus beribadah.

Ibunya pulang ke rumah dengan **rasa hampa dan marah dalam hatinya.** Semasa itulah wanita itu berdoa: **"Ya Allah, Juraij itu adalah anakkku, aku mahu bercakap dengannya tapi dia menolak bercakap denganku. Ya Allah, jangan engkau matikan dia kecuali Engkau tunjukkan padanya akan pelacur."**

Ada gembala kambing yang sentiasa menggembala kambingnya di sekitar pondok Juraij. **Gembala kambing** itu terserempak dengan 'bunga desa' yang cantik. **Mereka berasmara** sehingga wanita itu hamil dan akhirnya melahirkan anak. Namun gembala itu menghilang.

Semasa ditanya orang kampung, anak siapakah itu, wanita ini sekadar menuding ke arah pondok Juraij. Orang-orang kampung **beramai-ramai mendatangi Juraij dan memanggilnya dengan marah**. Juraij keluar kehairanan. Mereka menuduhnya berzina sehingga wanita itu melahirkan bayinya. Juraij bertanya: "Di mana bayi itu?"

Maka mereka membawa bayi itu menghadapnya. Juraij berkata: **"Tinggalkan aku untuk solat dan berdoa."**

Sesudah itu, Juraij menepuk perut bayi dan bertanya: "Wahai bayi, siapakah bapamu?"

Dengan izin Allah, bayi itu menjawab: "Bapaku ialah gembala kambing di kampung ini."

Penduduk kampung terkejut dan malu kerana merobohkan pondok Juraij dek tertipu oleh wanita itu. Mereka berjanji akan membangunkan pondoknya dengan emas dan perak, namun Juraij menolak dan meminta pondok seperti asalnya.

Rasulullah menyatakan kisah Juraij menunjukkan betapa kuat doa seorang ibu, apatah lagi yang disakiti anaknya.

Banyak iktibar daripada kisah Juraij.

* **Kewajiban anak memenuhi panggilan ibu lebih utama dibandingkan menyempurnakan ibadah suna**t. Dengan hadith ini, dihukumkan menurut fiqah bahawa memenuhi panggilan ibu adalah wajib berbanding meneruskan solat sunat.

* **Doa ibu sangat mustajab** - sama ada maksud baik atau tidak. Oleh itu, ibu perlu berhati-hati dan usah ikut perasaan.

* **Ibu harus sentiasa memantau dan mengambil tahu akan keadaan kehidupan anak-anaknya** agar tidak terjadi salah faham antara keduanya.

* **Ibu harus sentiasa mendoakan kebaikan untuk anak-anaknya**, terlebih lagi pada waktu solat dinihari.

* **Ibu harus sentiasa menjaga mulutnya dan usah mudah tersinggung** - maafkanlah dan nasihatkan serta sentiasa berdoa untuk anaknya.

* Sebagai pengasuh, **ibu perlu dilengkapi ilmu demi memupuk anak yang soleh**.

Seorang alim besar, Syeikh Sya`roni Ahmadi Al-Qudsy berkata: "**Doa ibu adalah seperti jelmaan malaikat**, bahkan ibu adalah seperti jelmaan malaikat yang nampak. Ertinya, hati-hatilah dengan doa ibumu kerana doanya begitu cepat dikabulkan oleh Allah subhanahu wa ta`ala."

Para ibu sekalian, berdoalah sentiasa akan kebaikan anak-anak anda di dunia dan akhirat.